

**Tarikh Dibaca: 04 Februari 2022M | 02 Rajab 1443H**



**ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“IKTIBAR BALIK KAMPUNG”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## “IKTIBAR BALIK KAMPUNG”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَابْتِغِ فِيمَا ءَاتَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ  
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya menyeru kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Tunaikanlah segala suruhan Allah SWT dan tinggalkanlah larangan-Nya. Semoga Allah SWT meredai hidup kita, bahagia di dunia dan di akhirat.

Setiap orang mempunyai kampung halaman yang merupakan tempat dilahir dan dibesarkan, tanpa mengira keadaannya susah atau senang, jauh atau dekat. Seseorang itu biasanya tetap merindui kampung

<sup>1</sup> Al-Qasas : 77.

<sup>2</sup> Ali Imran : 102.



halamannya sebagai kehidupan yang harmoni, pengalaman yang indah dan suasana yang tenang.

Sebelum balik kampung, seseorang itu akan membawa bekalan yang mencukupi dan memastikan segala keperluannya tidak tertinggal. Semuanya dilakukan supaya kegembiraan dan kenikmatan balik kampung dapat dirasai.

Dengan mukaddimah itu, mimbar hari ini akan memperkatakan tentang **"IKTIBAR BALIK KAMPUNG"**.

**Hadirin Jumaat yang dihormati sekalian,**

Sedar atau tidak, bahawa kita berada di muka bumi ini hanya menumpang sementara dan tidak kekal. Sama ada kita suka atau tidak, bersedia atau belum, apabila tiba saat dan ketikanya kita terpaksa meninggalkan dunia ini untuk balik ke kampung yang kekal abadi iaitu akhirat.

Malang sekali bagi yang tidak membawa bekalan, atau bekalan tidak mencukupi, pada ketika itu barulah ia meyakini tentang keperluan membawa bekalan yang sebenar, lantas menyesal dan merayu agar ditangguhkan seketika bagi mencari dan menambah bekalannya. Sesungguhnya rayuannya hanyalah sia-sia. Firman Allah SWT dalam surah al-Munafiqun 10-11:

رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ

الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾ وَلَن يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾



*"Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh. Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang apabila sampai ajalnya dan Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya mengenai segala yang kamu kerjakan."*

Setelah tiba di kampung akhirat, kita tidak berpeluang untuk berpatah balik bagi mendapatkan bekalan dengan melakukan amal soleh, kerana ia tidak mungkin berlaku seperti yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Sajadah ayat 12:

... رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَالِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ ﴿١٢﴾

*"...Wahai Tuhan kami, kami telah melihat dan kami telah mendengar, maka kembalikanlah kami (ke dunia) supaya kami dapat melakukan amal soleh, sesungguhnya kami telah percaya dan yakin."*

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Bagaimana dengan keperluan bekalan balik kampung yang kekal abadi di akhirat nanti? Berapa banyak bekalan yang dibawa dan adakah ianya mencukupi? Seandainya kurang maka peluang untuk menambah bekalan semasa hidup masih ada, tetapi setelah ajal menjelma peluang sudah tiada lagi. Ada juga yang pulang membawa bersamanya bebanan berupa dosa-dosa yang menyebabkan kita di seksa dan di azab kerana keingkaran untuk mentaati perintah yang disuruh serta pelanggaran terhadap sesuatu tegahan yang dilarang oleh Allah SWT.

Terdapat juga mereka yang membawa bekalan yang banyak kerana kuat beramal, tetapi kemudiannya jatuh bankrap. Bekalannya habis untuk membayar hutang, bahkan hutangnya semakin bertambah kerana



terpaksa menanggung hutang orang lain. Ini disebabkan kerana semasa di dunia dulu suka mengata, mengumpat dan mencaci orang lain.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu'anhū bahawa suatu ketika Rasulullah SAW bertanya kepada para sahabat:

"أَتَدْرُونَ مَا الْمُفْلِسُ؟" قَالُوا: الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا  
دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ، فَقَالَ: "إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ  
الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ، وَصِيَامٍ، وَزَكَاةٍ، وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا،  
وَقَذَفَ هَذَا، وَأَكَلَ مَالَ هَذَا، وَسَفَكَ دَمَ هَذَا، وَضَرَبَ  
هَذَا، فَيُعْطَى هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ  
فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ أُخِذَ مِنْ  
خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ، ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ

*"Tahukah kamu sekalian, siapakah dia muflis (bangkrap) itu? Para sahabat menjawab: Di kalangan kami, muflis itu adalah seorang yang tidak mempunyai dirham dan harta benda. Nabi bersabda: Muflis dalam kalangan umatku ialah seseorang yang kelak di hari qiamat datang lengkap dengan membawa pahala ibadah solatnya, puasanya dan zakatnya. Namun, dia juga membawa dosa berupa makian pada orang ini, menuduh yang ini, memakan harta orang ini, menumpahkan darah yang ini, serta memukul orang ini. Lalu diberikanlah kepada orang ini sebahagian pahala kebajikannya, dan juga kepada yang lain sebahagian pahala kebajikannya. Maka apabila segala kebajikannya sudah habis, sebelum semua dosanya dapat diselesaikan, maka diambil pula dosa-*



*dosa mereka itu semua lalu ditimpakan kepada dirinya. Kemudian dia dilemparkan ke dalam neraka."*

*(Riwayat Muslim).*

### **Hadirin yang dirahmati sekalian,**

Dunia ibarat tempat bercucuk tanam, akhiratlah tempat memetik hasilnya. Oleh itu pergunakanlah peluang yang ada semasa hidup di dunia dengan melakukan amalan kebaikan untuk dijadikan bekalan. Ingatlah sebaik-baik bekalan iaitu takwa kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Firmannya Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 197:

...وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ  
التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ﴿١٩٧﴾

*"Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah, dan hendaklah kamu membawa bekal dengan secukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah takwa dan bertakwalah kepadaku wahai orang yang berakal."*

Sesungguhnya amalan kita akan menjadi teman setia setelah kita mati yang akan menjadi bekalan di akhirat. Hadis daripada Anas bin Malik Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَتَّبِعُ الْمَيِّتَ ثَلَاثَةٌ، فَيَرْجِعُ اثْنَانِ وَيَبْقَى مَعَهُ وَاحِدٌ،  
يَتَّبِعُهُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ وَعَمَلُهُ، فَيَرْجِعُ أَهْلُهُ وَمَالُهُ، وَيَبْقَى  
عَمَلُهُ

*"Mayat itu akan diiringi oleh tiga perkara, yang dua akan kembali sedang yang satu terus menyertainya. Ia diiringi oleh keluarganya,*



hartanya dan amalnya. Harta dan keluarganya akan kembali, sedang amalnya akan terus tetap bersamanya.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

**Hadirin sekalian,**

Mengakhiri khutbah ini, beberapa peringatan dan pengajaran digariskan, agar dapat menjadi panduan kita bersama:

1. Ketahuilah bahawa kehidupan dunia tidak kekal, Oleh itu kita perlu membuat persiapan sebagai bekalan untuk kehidupan yang kekal di akhirat seperti mana kita perlu membawa bekalan ketika balik kampung.
2. Sedarlah bahawa penyesalan disaat menghadapi kematian tidak akan memberi apa-apa kesan baik bagi kehidupan di akhirat.
3. Umat Islam hendaklah menjauhi perbuatan mengumpat, memaki, membuat tuduhan palsu, menyeksa dan membunuh kerana ianya boleh menghapuskan pahala di samping menanggung dosa mereka yang dijadikan mangsa.
4. Umat Islam hendaklah sedar bahawa sebaik-baik bekalan ialah takwa, iaitu mematuhi perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya yang menjadi sebab kita beroleh pahala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ  
فَأَنسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١٩﴾ لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ  
النَّارِ وَأَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾



“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. Mereka itulah orang-orang yang fasik – derhaka. Tidaklah sama ahli neraka dan ahli Syurga; ahli Syurgalah orang-orang yang beroleh kemenangan (mendapat segala yang diinginkan).

(Surah al-Hasyr : 18-20).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ  
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا  
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ،  
وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَاوَنَ أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.  
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ ﴿٣١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.